

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 9/10/2013

Muka surat: 14

Tajuk : UNIMAS Menandatangani MoU Bersama CMSPT.

## UNIMAS menandatangani MoU bersama CMSPT

**KUCHING:** Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama CMS Pavement Tech Sdn Bhd (CMSPT) pada Jumaat lalu.

MoU itu telah ditandatangani oleh Naib Canselor UNIMAS Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi dan Ketua Bahagian Pembinaan dan Baik Pulih Jalan, CMS Sdn Bhd Lim Jit Yaw.

Turut menandatangani mewakili UNIMAS adalah Dekan Fakulti Kejuruteraan UNIMAS Prof Dr Wan Hashim Wan Ibrahim dan Pengurus Perundangan CMS Sdn Bhd John Lim.

MoU antara UNIMAS dan CMSPT itu akan mengukuhkan lagi usaha kedua-dua pihak dalam menjalankan aktiviti usaha sama penyelidikan dan pembangunan yang memfokus ke arah menambah baik

kualiti kejuruteraan jalan-jalan di Sarawak.

Usaha bagi menjalinkan ahli akademik dan pihak industri telah dimulakan sejak tahun 2011 dan hasilnya pada masa ini, seorang pelajar peringkat pengajian Doktor Falsafah sedang menjalankan kajian dalam bidang itu dan lima tesis pelajar prasiswazah telah dihasilkan.

Salah satu topik utama dalam usaha sama ini adalah mengkaji lapisan bawah dasar jalan.

Pelbagai topik dalam bidang kajian itu telah diutarakan dan dipersetujui dan dengan termeternya perjanjian ini, aktiviti-aktiviti lain akan dilaksanakan.

Kumpulan penyelidik UNIMAS adalah terdiri daripada ahli akademik daripada Jabatan Kejuruteraan Awam dan diketuai oleh Profesor Madya Dr Siti Noor Linda Taib manakala pihak CMSPT akan diketuai oleh Pengurus Bersarnya Teo Khing Tnia.

Dengan pemeteraian perjanjian itu juga akan membolehkan UNIMAS dan CMSPT meneruskan kerjasama dalam bidang fokus tersebut bersama pihak-pihak lain yang berminat untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran bagi membantu bersama-sama dalam menambah baik kualiti jalan-jalan di negeri ini.



**KERJASAMA ERAT:** Hashim menyampaikan cenderamata kepada Pengarah Urusan Kumpulan CMS Datuk Richard Curtis, sambil disaksikan Rosmina (kanan) dan Lim.